

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 2, 2020 1:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 10,000 Langkah Menuju Puncak Vista Sambil Tanam Pokok



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JANUARI 2020 / 6 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Chance Club

10,000 LANGKAH MENUJU PUNCAK VISTA SAMBIL TANAM POKOK



UUM ONLINE: Menghayati keindahan alam semulajadi kampus hijau sambil berjalan beramai-ramai menjadi satu pengalaman yang cukup bermakna sekali gus mempromosikan gaya hidup sihat.

Biro Sukan Dan Rekreasi Chance Club, Adilah Ishak berkata, menerusi aktiviti santai ini, peserta dapat meluangkan masa beramah mesra setelah bertungkus lumus bekerja di pejabat bagi mengukuhkan silaturahim dalam membina pasukan kerja yang mantap.

Menurutnya, perjalanan bermula seawal jam 8 pagi dari Jabatan Canselori melalui taman burung unta, Lalan A, Persiaran Perdana, Inasis Maybank menuju ke Puncak Vista.

"Cuaca begitu baik, memang best jalan kaki beramai-ramai sambil menghirup udara segar, embun pagi dan kicauan burung di samping badan lebih sihat dan cergas.

“Kemeriahan terasa dalam suasana mesra seperti sebuah keluarga diserlahkan melalui aktiviti sebegini memandangkan UUM memerlukan staf yang sihat dan energetik untuk menjamin produktiviti kerja demi mencapai kecemerlangan,” katanya selepas program *Walk 4 Health 10K Steps* anjuran Kelab Canselori (Chance Club).

Dengan bimbingan Penolong Pemelihara Hutan, Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Amran Mahmud, beberapa pokok turut ditanam seperti durian, kelapa pandan dan aneka herba yang mempunyai khasiat untuk kesihatan.

Sementara itu, Pegawai Undang-undang, Nur Syazwani Muhammad terpesona dengan keunikan panorama, flora dan fauna sekali gus menyedari terdapat banyak tempat menarik yang boleh dilawati di sini.

“Rupa-rupanya banyak tempat menarik di UUM yang boleh dijadikan tempat rekreasi dan aktiviti riadah untuk merehatkan minda sambil menyaksikan kecantikan alam merentasi hutan menghijau sekali gus melahirkan rasa syukur melihat kebesaran Allah.

“Pemandangan yang mengasyikkan, suasana yang damai dan menenangkan sesuai untuk aktiviti riadah yang sesuai menjadi destinasi menarik untuk diterokai,” katanya.

Menurutnya, keindahan UUM merupakan daya tarikan aktiviti rekreasi dan sudah menjadi tanggungjawab kita untuk bersama memastikan persekitaran UUM kekal terpelihara demi kelestarian alam sekitar.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.